

## SEJARAH TINGKATAN 4

**SOALAN DAN JAWAPAN****BAB 5 : KERAJAAN ISLAM DI MADINAH****Tajuk : Hijrah***Soalan Struktur*

Oleh sebab penyebaran dakwah Islamiyah di Makkah menghadapi pelbagai rintangan dan mendapat tentangan daripada orang Arab Quraisy, Perjanjian Aqabah telah memberi ruang kepada Nabi Muhammad s.a.w membuat keputusan untuk berhijrah ke Madinah.

**(a) Nyatakan bentuk penentangan yang dilakukan oleh orang Arab Quraisy terhadap dakwah Islamiyah di Makkah.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 111 – 113)*

- Mencemuh Nabi Muhammad s.a.w
- Mengganggu Nabi Muhammad s.aw semasa beribadat
- Mengejek ajaran Islam melalui puisi
- Memujuk Nabi Muhammad s.a.w meninggalkan dakwah Islamiyah dengan pelbagai tawaran
- Memulau Nabi Muhammad s.a.w dan keluarga baginda
- Merancang membunuh Nabi Muhammad s.a.w

[6 x 1m = Mak. 2 markah]

**(b) Berikan sebab-sebab Nabi Muhammad s.a.w dan orang-orang Islam berhijrah ke Madinah.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 113 dan ms 121)*

- Mengatasai ancaman orang Quraisy terhadap orang Islam
- Meneruskan dakwah Islamiyah
- Menerima perintah Allah
- Memenuhi jemputan suku Aus dan Khazraj
- Mahu mendirikan sebuah kerajaan Islam
- Bertujuan mendamaikan masyarakat Madinah yang bermusuhan

[6 x 1m = Mak. 3 Markah]

**(c) Sebutkan dua isi Perjanjian Aqabah Kedua.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 118 - 119)*

- Suku Aus dan Khazraj memeluk Islam dan mengukuhkan taat setia kepada Nabi Muhammad s.a.w
- Suku Aus dan Khazraj menjemput Nabi Muhammad s.a.w dan orang Islam berhijrah ke Madinah.
- Mereka menyediakan tempat tinggal dan menjanjikan keselamatan orang Islam serta bersedia mempertahankan Islam

[3 x 1m = Mak. 2 markah]

**(d) Apakah hujah bagi menyangkal tuduhan orientalis Barat yang mengatakan bahawa hijrah adalah pelarian ?**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 120)*

- Penghijrahan orang Islam adalah kerana jemputan orang Arab Madinah
- Ketibaan orang Islam disambut dengan rela dan meriah
- Orang Islam diberikan tempat tinggal
- Mereka dijamin keselamatannya
- Nabi Muhammad s.a.w dilantik sebagai pemimpin Madinah
- Baginda diterima oleh semua golongan masyarakat Madinah.

[6 x 1m = Mak. 3 markah]

### Tajuk : Hijrah / Piagam Madinah

#### *Soalan Esei*

**(a) Hijrah mempunyai nilai yang sangat penting kepada peningkatan tamadun masyarakat Arab pada masa itu dan masyarakat Islam pada masa ini. Jelaskan.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 122 - 124)*

**Dakwah** - Selepas Hijrah, dakwah Islamiyah dilaksanakan secara terbuka.

**Damai** - Nabi Muhammad s.a.w berjaya mendamaikan suku Aus dan Khazraj melalui semangat persaudaraan Islam.

**Persaudaraan** - Hijrah telah menjalinkan hubungan persaudaraan antara orang Islam Makkah dengan orang Islam Madinah.

**Perpaduan** - Hijrah mewujudkan perpaduan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai suku, budaya dan agama.

**Harmoni** - Hijrah melahirkan kehidupan yang harmoni di Madinah.

**Masjid** - Nabi Muhammad telah membina Masjid al-Nabawi.

**Fungsi** - Masjid berfungsi sebagai tempat beribadat, belajar, membincangkan masalah serta mengadakan aktiviti harian.

**Takwim** - Sempena Hijrah, wujud kiraan tahun Hijrah dalam takwim Islam.

**Madinah** - Nama Yathrib ditukar kepada Madinah al-Munawwarah.

**Tamadun** - Madinah menjadi pusat tamadun Islam.

**Budaya** - Agama Islam menjadi budaya hidup dalam semua bidang.

**Pengorbanan** - Hijrah memperlihatkan pengorbanan sahabat-sahabat Nabi dan golongan wanita .

**Bijaksana** - Hijrah menampakkan kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w mengatur strategi perjuangan.

**Negara** - Hijrah membolehkan penubuhan sebuah negara Islam.

**Piagam** - Lahirnya sebuah perlombagaan Islam iaitu Piagam Madinah.

[15 x 2m = Mak. 12 markah]

**(b) Buat satu rumusan tentang kandungan Piagam Madinah.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 124 - 129)*

**Fasal** - Mengandungi 47 fasal iaitu 23 fasal berkaitan orang Islam dan 24 fasal tentang tanggungjawab orang bukan Islam.

**Pemimpin** - Nabi Muhammad sebagai pemimpin bagi kerajaan Madinah.

**Hakim** - Baginda berperanan sebagai ketua hakim.

**Agama** - Masyarakat Madinah bebas memilih agama masing-masing.

**Respek** - Setiap individu mestilah menghormati agama yang dianuti oleh individu lain.

**Ummah** - Masyarakat Madinah merupakan satu ummah dan mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negara.

**Bermusuhan** - Masyarakat Madinah tidak boleh bermusuhan sesama sendiri.

**Undang-Undang** - Undang-undang Islam diguna pakai secara menyeluruh tetapi peraturan kabilah boleh diamalkan selagi tidak bertentangan dengan Islam.

**Ekonomi** - Kerjasama antara masyarakat Madinah dituntut demi memajukan ekonomi negara

**Riba** - Unsur riba dan penipuan dihapuskan dalam perniagaan.

**Pertahanan** - Semua anggota masyarakat dikehendaki mempertahankan Madinah daripada ancaman luar.

**Yahudi** - Keselamatan orang Yahudi terjamin selagi mereka mematuhi perlombagaan Madinah.

[12 x 2m = Mak. 8 markah]

**Tajuk : Perjanjian Hudaibiyah*****Soalan Struktur***

**Kunjungan orang Islam Madinah ke kota Makkah pada tahun 628 M telah disekat oleh orang Arab Quraisy dan menimbulkan konflik hingga membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah.**

**(a) Nyatakan tujuan orang-orang Islam Madinah mengunjungi kota Makkah.**

- Bercadang menziarahi Makkah
- Mengunjungi Kaabah yang menjadi pusat ibadat bagi orang Islam
- Mengerjakan umrah

[3x 1m = Mak. 2 markah]

**(b) Berikan sebab-sebab Usman bin Affan dipilih sebagai wakil untuk menerangkan kepada orang Arab Quraisy tentang tujuan kunjungan orang Islam.**

- Usman mempunyai ramai saudara mara di Makkah.
- Merupakan sahabat yang matang berbanding sahabat lain.
- Sifatnya yang lembut / bertolak ansur

[3 x 1m = Mak. 2 markah]

**(c) Sebutkan kandungan Perjanjian Hudaibiyah.**

- Bersetuju mengadakan gencatan sebjata selama 10 tahun
- Kabilah Arab bebas memihak sama ada kepada orang Islam Madinah atau orang Qurqisy Makkah.
- Orang Islam Madinah yang memihak ke Makkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan.
- Orang Qurqisy Makkah yang memihak ke Madinah tanpa kebenaran penjaganya perlu dipulangkan semula.
- Umat Islam hanya boleh mengerjakan umrah pada tahun berikutnya (7H)

[5 x 1m = Mak. 3 markah]

**(d) Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada perjanjian tersebut ?**

- Orang Islam berpeluang menunaikan haji pada tahun berikutnya.

- Orang Islam bebas memasuki kota Makkah / beribadat di Kaabah
- Orang Arab bebas menganut sebarang agama
- Islam berkembang meluas
- Bilangan pengikut Islam meningkat
- Pengislaman tokoh panglima Arab Quraisy
- Melambangkan ketokohan Nabi Muhammad s.a.w
- Orang Quraisy Makkah mengiktiraf kerajaan Islam Madinah
- Perintis pembukaan semula kota Makkah

[9 x 1m = Mak. 3 markah]

### Tajuk : Pembukaan Semula Kota Makkah

#### *Soalan Esei*

**(a) Mengapakah Nabi Muhammad bertindak menguasai semula kota Makkah pada tahun 630 M bersamaan tahun 8 Hijrah ?**

**Langgar** - Pihak Arab Quraisy melanggar syarat Perjanjian Hudaibiyah.

**Bunuh** - Mereka membunuh beberapa orang Bani Khuza'ah yang berpihak kepada Islam.

**Strategi** - Sebagai strategi untuk meneruskan penyebaran Islam.

**Mantap** - Dengan menguasai Makkah, kedudukan kerajaan Islam Madinah menjadi lebih mantap.

[4 x 1m = Mak. 5 markah]

**(b) Apakah strategi yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w untuk menguasai semula kota Makkah?**

**Aman** - Berpegang kepada prinsip aman tanpa kekerasan.

**Tentera** - Menyediakan empat pasukan tentera yang terdiri daripada 10,000 orang yang dipimpin oleh Khalid bin al-Walid, Abu Ubaidah al-Jarrah, Saad bin Ubadah dan Zubair al-Awwam.

**Arah** - Memasuki kota Makkah menerusi empat arah yang berlainan.

**Kepung** - Orang Quraisy dikepung dengan rapi.

[4 x 2m = Mak. 5 markah]

(c) Huraikan kepentingan pembukaan semula kota Makkah terhadap perkembangan Islam.

**Tokoh** - Pengislaman tokoh Quraisy Abu Sufian dan Ababs menyebabkan orang Quraisy turut memeluk Islam.

**Perpaduan** - Menekankan kepentingan perpaduan dalam sesebuah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

**Sebar** - Sifat nabi Muhammad s.a.w yang memaafkan orang Quraisy menyebabkan Islam tersebar dengan meluas.

**Kaabah** - Kaabah terpelihara daripada unsur-unsur jahiliyah.

**Agama** - Agama menyembah berhala masyarakat Arab Quraisy telah digantikan dengan Islam.

**Ilmu** - Masyarakat Islam mula mendalami ilmu pengetahuan Islam.

**Kota** - Kota Makkah menjadi kota suci umat Islam.

**Kukuh** - Pembukaan semula kota Makkah membuktikan bahawa negara Islam Madinah begitu kukuh.

**Perintis** - Pembukaan kota Makkah menjadi perintis ke arah penyebaran Islam ke seluruh Tanah Arab.

**Pusat** - Penguasaan terhadap Makkah telah mewujudkan sebuah pusat pemerintahan Islam yang kuat.

[10 x 2m = Mak. 10 markah]